



Khutbah Jumaat 13 Jun 2025M / 16 Zulhijjah 1446H: "Syariat Dijunjung, Keamanan Terpelihara"
Jabatan Agama Islam Selangor

MANUAL KHUTBAH JUMAAT

TAJUK :

SYARIAT DIJUNJING, KEAMANAN TERPELIHARA



Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"SYARIAT DIJUNJUNG, KEAMANAN TERPELIHARA".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلُ : وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرِيَةً كَانَتْ إِعْمَانَةً
مُظْمِنَةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِإِنْعُمِ اللَّهِ
فَأَذَاقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخُوفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ.¹

أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

3

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! إِتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيْكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللَّهُ فَقَدْ
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

4

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ إِيمَانُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِلَهِ وَلَا تَمُتنُّ
عَلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ

۱۶

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberikan kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat. Para jemaah diingatkan supaya jangan bermain dengan telefon bimbit ketika khutbah disampaikan.

5

Pada hari yang mulia ini khatib akan membicarakan khutbah bertajuk **"SYARIAT DIJUNJUNG, KEAMANAN TERPELIHARA".**

6

¹ An-Nahl: 112.



Islam adalah agama yang membawa mesej kedamaian dan keamanan dalam semua aspek kehidupan. Prinsip ini ditegaskan berkali-kali dalam al-Quran dan Sunnah, membuktikan bahawa Islam tidak pernah menggalakkan sebarang kekerasan atau permusuhan, melainkan apabila keamanan itu dicabuli atau diancam. Allah SWT juga mengingatkan kita bahawa nikmat keamanan bukanlah sesuatu yang kekal jika kita tidak mensyukurinya.

7

Firman Allah SWT dalam surah An-Nahl ayat 112 yang bermaksud:

"Dan (bagi kaum yang kufur ingkar) Allah telah membuat suatu perumpamaan (dengan) sebuah negeri yang dahulunya aman lagi tenteram, rezeki datang kepadanya melimpah-ruah daripada segenap tempat, tetapi penduduknya mengingkari nikmat-nikmat Allah, kerana itu Allah merasakan kepada mereka kelaparan dan ketakutan disebabkan apa-apa yang selalu dilakukan oleh mereka".

8

Intipati daripada ayat ini menjelaskan bahawa nikmat keamanan dan kedamaian bukanlah sesuatu yang boleh dijamin selama-lamanya jika manusia lalai daripada tanggungjawab hakiki terhadap Allah SWT. Justeru itu, Islam mengajarkan kita untuk memelihara nikmat keamanan bukan hanya dengan menghindari konflik semata, tetapi dengan melaksanakan segala tuntutan syariat sebagai asas kehidupan.

9

Dalam Islam, prinsip keamanan telah diajarkan daripada sekecil-kecil perkara hingga ke sebesar-besar perkara, ia bukan hanya terbatas kepada konteks kenegaraan atau hubungan antarabangsa bahkan mencakupi urusan kehidupan seharian bermula daripada menjaga hubungan dalam keluarga, jiran tetangga dan kaum kerabat sama ada sesama Muslim mahupun bukan Muslim yang mempunyai pelbagai latar belakang.

10



Hal ini selaras dengan firman Allah SWT dalam Surah An-Nisa', ayat 36 yang bermaksud:

"Dan beribadatlah kepada Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan sesuatu pun. Dan berbuat baiklah kepada kedua-dua orang ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan yang jauh, teman sejawat, ibnu al-sabil (orang yang terkandas dalam bermusafir) dan hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombang dan membangga-banggakan diri."

11

Begitulah Allah SWT menekankan pentingnya menjaga hak-hak sesama manusia, memelihara ketenteraman serta menyuburkan nilai saling hormat dan prihatin dalam lingkungan terdekat sebagai langkah awal membina masyarakat yang aman damai.

12

Dalam urusan kenegaraan dan politik, Islam menggariskan bahawa pemimpin wajib berlaku adil dan jujur serta mengutamakan kebijakan rakyat melebihi kepentingan peribadi. Justeru itu, dalam membuat sesuatu ketetapan, pihak pemerintah diwajibkan untuk mendahulukan kemaslahatan umum rakyat.

13

Ini bertepatan dengan kaedah *fiqhiiyah* yang masyhur iaitu:

تَصْرُّفُ الْإِمَامِ عَلَى الرَّعِيَّةِ مَنْوَطٌ بِالْمُصْلَحَةِ

14

"Tindakan pemerintah terhadap rakyatnya hendaklah berasaskan kepada maslahah (kebaikan)."



Para ulama telah menetapkan bahawa sebarang dasar, arahan atau keputusan yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah mestilah berpaksikan kepada kemaslahatan umum dan menjurus kepada manfaat keseluruhan rakyat yang berada di bawah tanggungjawab pentadbirannya. Jika sesuatu keputusan itu menyimpang daripada prinsip *maslahah* dan bercanggah dengan prinsip syariat, maka ia tidak lagi dianggap sah atau terpakai dari sudut syarak.

15

Pada masa yang sama, rakyat juga diseru untuk mematuhi undang-undang dan peraturan yang digubal berdasarkan prinsip kebenaran, keadilan, dan kemaslahatan sejagat. Bagi memelihara keamanan dan kestabilan masyarakat, Islam telah menetapkan hukum-hukum jenayah yang berfungsi sebagai salah satu cara pencegahan dan pemulihan sosial. Antaranya ialah hukuman hudud yang dikenakan ke atas kesalahan berat seperti zina, mencuri dan lain-lain jenayah yang melibatkan hukuman hudud.

16

Begitu juga hukuman qisas yang menjamin keadilan dalam kes jenayah melibatkan nyawa dan anggota fizikal, dengan memberi hak balas setimpal kepada mangsa atau warisnya. Hukuman takzir pula membuka ruang kepada pihak berkuasa untuk mengenakan hukuman yang bersesuaian berdasarkan hikmah, keadaan semasa dan pertimbangan yang adil.

17

Hakikatnya semua ini bukanlah bersifat menghukum semata-mata, tetapi berfungsi sebagai penjaga keamanan merangkumi aspek fizikal, sosial dan moral sejajar dengan prinsip syariat yang ditekankan agar masyarakat dapat hidup dalam keadaan aman serta terhindar daripada sebarang kekacauan dan kezaliman.

18



Al-Quran juga telah mengajarkan kepada kita untuk sentiasa berlaku adil dan berbuat baik kepada sesiapa pun yang tidak memusuhi agama ini dan tidak mengusir kita daripada tanah air ini.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Mumtahanah, ayat 8 yang bermaksud:

19

"Allah tidak melarang kamu berbuat baik dan berlaku adil terhadap orang yang tidak memerangimu dalam urusan agama (kamu) dan tidak mengusir kamu dari kampung halamanmu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil."

Ayat ini menunjukkan bahawa Islam menuntut keadilan dan kebaikan terhadap sesiapa pun yang tidak memusuhi kita tanpa mengira latar belakang agama mahupun bangsa. Prinsip yang digariskan dalam ayat ini juga menjadi tunjang kepada hubungan dan muamalah masyarakat Muslim dengan bukan Muslim.

20

Bahkan, Islam secara jelas melarang umatnya mencela kepercayaan agama lain, sebagaimana firman-Nya dalam Surah al-An'am ayat 108 yang bermaksud:

"Dan janganlah kamu mencerca benda-benda yang disembah oleh mereka selain Allah kerana kelak mereka akan mencerca Allah secara melampaui batas kerana tiada pengetahuan (mengenai Allah). Demikianlah Kami memperelokkan pada pandangan setiap umat tentang perbuatan mereka. Kemudian, kepada Tuhan mereka tempat kembali mereka, lalu Dia menerangkan kepada mereka apa-apa yang telah dilakukan oleh mereka."

21



Larangan ini bukan semata-mata adab, tetapi bertepatan dengan prinsip *Sadd al-Zara'i* (سَدُّ الذَّرَائِعْ) iaitu salah satu prinsip dalam ilmu usul fiqh yang menjelaskan keutamaan untuk menutup pintu-pintu yang membawa kepada kerosakan atau kemudarat. Ketahuilah, mencela agama lain sebenarnya berpotensi mencetuskan konflik dan permusuhan yang lebih besar. Justeru, Islam menutup pintu-pintu tersebut sebelum ia berlaku.

22

Dalam memelihara nikmat keamanan yang telah kita kecapi sekian lama, perbezaan pandangan adalah suatu realiti yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan bermasyarakat. Namun, Islam sama sekali tidak membenarkan perbezaan itu ditangani dengan rasa kebencian, cercaan, atau provokasi yang boleh mengancam keharmonian.

Bahkan, dalam interaksi sesama Muslim mahupun dengan bukan Muslim, kita diajar untuk menyingkapi perbezaan dengan akhlak mulia, berpegang kepada hujah dan nasihat yang baik.

Firman Allah SWT dalam Surah An-Nahl, ayat 125 yang bermaksud:

"Serulah ke jalan Tuhan kamu (wahai Muhammad) dengan hikmah dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang kamu serukan itu) dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhan kamu, Dialah yang lebih mengetahui tentang sesiapa yang tersesat daripada jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang yang mendapat hidayah petunjuk".



Nasihat ini tidak hanya terhenti pada seruan al-Quran, malah diperjelas lagi melalui sabda Nabi SAW yang menuntut kita untuk menggunakan kata-kata yang baik atau memilih diam sebagai langkah untuk mengelakkan konflik serta memelihara suasana harmoni dalam masyarakat.

Hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radiallahu anhu* bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Sesiapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hendaklah dia berkata perkara yang baik atau diam."

(Riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran untuk dijadikan panduan dalam kehidupan seharian kita iaitu:

1. Umat Islam diseru untuk sentiasa menjaga hubungan sosial dalam masyarakat majmuk dengan berakhhlak mulia, menghormati perbezaan dan berlaku adil selaras dengan maqasid memelihara keamanan sejagat.
2. Umat Islam hendaklah menyedari bahawa nikmat keamanan bukanlah sesuatu yang kekal, bahkan ia boleh ditarik pada bila-bila masa andai kita kufur terhadap nikmat Allah SWT dan lalai daripada melaksanakan syariat-Nya.
3. Islam menekankan adab dalam berinteraksi dengan memilih kata-kata yang baik atau diam terutama apabila berdepan dengan perbezaan pandangan.



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَسْتَوِي الْحَسَنَةُ وَلَا السَّيِّئَةُ أَدْفَعْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ فَإِذَا
الَّذِي بَيْنَكَ وَبَيْنَهُ عَدَاوَةٌ كَانَتْ هُوَ وَلِيٌ حَمِيمٌ.

"Dan tidak sama (kesan dan hukumnya) perbuatan yang baik dengan perbuatan yang jahat. Tolaklah (kejahatan yang ditujukan kepadamu) dengan cara yang lebih baik, dan apabila kamu berlaku demikian, maka orang yang bermusuh dengan kamu akan menjadi seolah-olah sahabat karib yang setia."

(Surah Fussilat: 34).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ.

30

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

31



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ。أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ。اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحِبِهِ وَمَنْ تَبَعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ。
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَقَوَّى اللَّهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	إِنَّ اللَّهَ وَمَلِكَتُهُ وَيُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَأْيُهَا الَّذِينَ ءامَنُوا صَلَوَاتُهُ عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
5	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
6	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُحِيطٌ بِالدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.
7	اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَئِمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَّةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ
8	اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَيِّيكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعْنَانِي عِنَّا يَتَكَبَّرُ الرَّبَّانِيَّةُ، وَبِحَفْظِ وِقَائِتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ، سُلْطَانِ سلاْغُورِ، سُلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ

9

شَاهِ الحاجِ ابنِ المَرْحُومِ سُلْطَانِ صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ العَزِيزِ شَاهِ الحاجِ.

اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهِدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصَّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيٍّ

عَهْدِ سلاْغُورِ، تَعْكُوْ أَمِيرِ شَاهِ إِبْنِ السُّلْطَانِ شَرْفِ الدِّينِ ادْرِيسِ شَاهِ

10

الْحَاجِ،

فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرِيمَكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ

11

عُمْرَهُمَا مُصْلِحَيْنِ لِلْمُوَظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلْغُ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ

الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Peliharalah negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Kurniakanlah kepada kami pemimpin yang amanah, jujur dan tegas dalam menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

12



Ya Allah! Lindungilah umat Islam dan Masjid Al-Aqsa di Palestin. Peliharalah mereka daripada kezaliman dan kejahanan, serta kurniakanlah mereka ketabahan, kekuatan, dan kemenangan.	13
Ya Allah! kukuhkanlah akidah umat Islam di negeri ini, berteraskan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berada di atas jalan Nabi Muhammad SAW dan para sahabat <i>Radiallahuanhum</i> serta jauhkanlah kami daripada segala fitnah yang boleh menggugat kesatuan dan perpaduan umat Islam.	
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَدُرِّيَّتِنَا قُرَّةً أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ۝	19
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ۝	20
فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرُكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	21